



Warganegara Malaysia yang berkelayakan dan berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan adalah dipelawa untuk mengisi kekosongan jawatan seperti berikut:

JAWATAN	GRED	BILANGAN KEKOSONGAN
Pegawai Teknologi Maklumat ( <i>Contract for Service, CFS</i> )	Setara F9/F10	3

1. Taraf Jawatan : Kontrak (Contract for Service)
2. Klasifikasi : Sistem Maklumat
3. Kumpulan Perkhidmatan : Pengurusan dan Profesional
4. Imbuhan Bulan : RM3,480.00 - RM4,940.00
5. Deskripsi tugas : Bertanggungjawab membangunkan modul sistem berdasarkan spesifikasi yang ditetapkan, melaksanakan pembangunan kod sumber (coding), pengintegrasian sistem, pengujian sistem (testing), pembetulan pepijat (bug fixing), penyediaan dokumentasi teknikal serta menyokong pelaksanaan pemindahan pengetahuan dan teknologi kepada pegawai MQA termasuk tugas lain yang diarahkan dari semasa ke semasa.

### Syarat Lantikan

Bidang/ Kelayakan Khusus : Memiliki kelayakan seperti berikut:

- (i) Ijazah Sarjana Muda Sains Komputer dengan Kepujian, Ijazah Sarjana Muda Teknologi Maklumat dengan Kepujian, Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan dalam bidang Kejuruteraan Komputer atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

atau

(ii) Ijazah Sarjana dalam bidang Sains Komputer, Teknologi Maklumat, Kejuruteraan Komputer atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

atau

(iii) Ijazah Kedoktoran dalam bidang Sains Komputer, Teknologi Maklumat, Kejuruteraan Komputer atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

**dan;**

**Syarat Bahasa Melayu** : Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

**Pengalaman** : **Mempunyai sekurang-kurangnya 1 – 3 tahun pengalaman dalam bidang.**